

## Pendedahan Fahaman Millah Abraham dalam Buku *Suhuf Abraham*

**BITARA**

Volume 8, Issue 3, 2025: 146-156  
© The Author(s) 2025  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 26 July 2025  
Accepted: 16 August 2025  
Published: 9 September 2025

### [Exposing the Doctrine of Millah Abraham in the Book *Suhuf Abraham*]

Wan Haslan Khairuddin<sup>1</sup>, Muhammad Khairi Mahyuddin<sup>2</sup> & Mohd Hasrul Shuhari<sup>3</sup>

- 1 Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA. E-mail: wanhaslan@ukm.edu.my
- 2 Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA. E-mail: muhdkhairi@usim.edu.my
- 3 Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu, MALAYSIA. E-mail: hasrulshuhari@unisza.edu.my

\*Corresponding Author: wanhaslan@ukm.edu.my

#### Abstrak

Artikel ini menganalisis kandungan buku bertajuk *Suhuf Abraham* yang disebarakan secara terbuka di surau atau masjid dalam Malaysia. Buku *Suhuf Abraham* merupakan sebuah naskhah tanpa nama penulis dan penerbit. Kandungannya menyatakan matlamat sebagai panduan hidup adalah berdasarkan agama Allah SWT dan prinsip akidah tauhid. Meskipun kandungannya kelihatan menyentuh aspek asas seperti akidah, ibadah dan akhlak namun wujud elemen-elemen ideologi asing yang selari dengan gagasan *Abrahamic Faith* atau Millah Abraham. Kajian ini menilai isi kandungan buku tersebut melalui pendekatan kualitatif analisis teks dengan merujuk kepada fatwa dan pandangan ulama Ahli Sunah Waljamaah. Hasil kajian mendapati bahawa buku ini menyeleweng konsep 'Millah Ibrahim' daripada perspektif tauhid yang sebenar dan menyebarkan fahaman 'penyatuan agama-agama' (*waḥdat al-adyān*) yang berteraskan pluralisme agama sekaligus bercanggah dengan akidah Islam dan merosakkan prinsip tauhid dalam pegangan Ahli Sunah Waljamaah. Artikel ini mengesyorkan agar Buku *Suhuf Abraham* disekat penyebarannya dan diberi peringatan sewajarnya agar masyarakat sedar akan kedudukan sebenar kandungannya yang membahayakan umat Islam.

**Kata kunci:** Akidah Islam, Ahli Sunah Waljamaah, Millah Ibrahim, *Suhuf Abraham*, al-Mahdi

#### Abstract

This article analyzes the content of a book titled *Suhuf Abraham*, which has been openly distributed in 'surau' and mosque across Malaysia. The book is an anonymous publication, with no identified author or publisher. It claims to offer a life guide based on the religion of Allah Subḥānah wa Ta'ālā and the principles of tawhidic belief. Although it appears to cover fundamental aspects such as creed ('aqidah), worship ('ibādah), and ethics (akhlāq), the text contains foreign ideological elements aligned with the ideas of the Abrahamic Faith or Millah Abraham. This study evaluates the book's content using a qualitative textual analysis method, referencing fatwas and scholarly views from the Sunni orthodoxy (Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah). The findings reveal that the book distorts the true concept of Millah Ibrāhīm from the perspective of tawhid, and promotes the doctrine of religious unity (*waḥdat al-adyān*) rooted in religious pluralism, a stance clearly opposed to Islamic creed and damaging to the core principles of Sunni theology. The article recommends that the distribution of *Suhuf Abraham* be banned and that appropriate public warnings be issued to raise awareness about its dangerous content and potential threat to Muslim faith.

**Keywords:** Islamic Theology, Sunni, Millah of Abraham, *Suhuf Abraham*, al-Mahdi



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

#### Cite This Article:

Wan Haslan Khairuddin, Muhammad Khairi Mahyuddin & Mohd Hasrul Shuhari. (2025). Pendedahan Fahaman Millah Abraham dalam Buku Suhuf Abraham [Exposing the Doctrine of Millah Abraham in the Book Suhuf Abraham]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(3): 146-156.

## Pengenalan

Fenomena penyelewengan akidah dan kemunculan ajaran sesat merupakan antara ancaman paling signifikan terhadap keimanan umat Islam. Dalam sejarah peradaban manusia, pertembungan antara kebenaran dan kebatilan adalah sunatullah yang berterusan bila mana Iblis berikrar menyesatkan anak Adam AS sebagaimana kandungan *al-A'raf* 7: 16 dan *al-Hijr* 16: 39 (Wan Haslan Khairuddin 2021). Penyelewengan yang wujud sering berselindung di sebalik nama agama dan kerohanian sekali gus mengelirukan umat yang kurang memahami asas akidah Islam secara sahih. Pada era globalisasi dan pasca-kebenaran kini, pelbagai bentuk ajaran yang menyeleweng muncul sama ada secara terbuka atau berselindung di sebalik sesuatu dalam bentuk pemikiran yang sifatnya menyerap dalam agama seperti liberalisme, sekularisme dan pluralisme yang merosakkan kesucian akidah umat Islam (Wan Haslan Khairuddin 2022).

Tradisi Ahli Sunah Waljamaah al-Ashā'irah dan al-Māturidiyyah membangunkan kerangka pemikiran yang mapan dalam menilai dan menangani penyelewengan dalam agama Islam dalam aspek-aspek: [i] kepercayaan atau akidah (intipatinya Rukun Iman); [ii] pengamalan, syariat atau fiqah (intipatinya Rukun Islam); dan kerohanian, akhlak atau tasawuf (intipatinya Ihsan). Ahli Sunah Waljamaah menjadikan Ilmu Kalam secara khusus sebagai disiplin dalam akidah yang berfungsi menyaring segala bentuk pemikiran yang bercanggah dengan prinsip-prinsip Islam. Para ulama seperti Abū al-Hasan al-Ash'ari (m.324H), Abū Manṣūr al-Baghdādī (m.429H), Abū Ḥamid al-Ghazālī (m.505H/1111M) dan Muḥammad ibn 'Abd al-Karīm al-Shahrastānī (m.548H/1153M) menghasilkan karya-karya penting dalam menstrukturkan pemahaman umat terhadap isu-isu kesesatan serta meletakkan garis panduan dalam menilai sesuatu ajaran.


Dalam konteks semasa, cabaran menjadi semakin kompleks apabila terdapat ajaran yang menyerap fahaman asing seperti *waḥdat al-adyān* (*unity of religions*; penyatuan agama-agama) dan gagasan *Abrahamic Faith* (Agama-agama Ibrahim) yang berupaya memesongkan konsep 'Millah Ibrahim' daripada perspektif tauhid yang sebenar. Antara karya yang dikaitkan dengan aliran ini ialah buku *Suhuf Abraham* yang mengandungi unsur-unsur penyatuan agama, relativisme wahyu dan konsep al-Mahdi yang menyimpang daripada Ahli Sunah Waljamaah. Sehubungan itu, artikel ini akan membentangkan analisis kritikal terhadap kandungan buku *Suhuf Abraham* berdasarkan pendekatan Ahli Sunah Waljamaah bagi menilai sama ada kandungannya menepati prinsip akidah Islam atau sebaliknya membawa unsur penyelewengan yang membahayakan umat.

## Buku *Suhuf Abraham*

*Suhuf Abraham* merupakan sebuah buku yang diedarkan secara terbuka di beberapa surau dan masjid di Malaysia tanpa mencatatkan nama penulis mahupun penerbit. Buku ini mengandungi 247 halaman bernombor tanpa rekod ISBN (*International Standard Book Number*). Buku ini memperkenalkan dirinya sebagai ‘panduan kehidupan’ yang kononnya bersumberkan agama Allah SWT dengan tujuan membimbing manusia menuju kesejahteraan dunia dan akhirat. Judul kecil yang tertera pada kulitnya ‘Edisi Messiah: In the Name of God, Rahmat dari Allah’ turut memperlihatkan naratif keagamaan yang menyentuh soal akidah, ibadah, adab dan akhlak. Kandungan awalnya juga mengangkat istilah ‘suhuf’ sebagai falsafah hidup yang diyakini mampu menjadi ‘pelita’ bagi jiwa yang mencari makna keimanan. Catatan di muka pertama menyatakan:

SUHUF Falsafah Kehidupan ini bertujuan untuk menjadi cahaya petunjuk kepada kehidupan dunia dan akhirat buat semesta insan dan bagaimana untuk beriman dengan benar kepada Tuhan. Moga ia menjadi pelita yang menyuluh dihari terang mahupun gelap. Bacalah dengan nama Tuhan mu.

Gambar I: Halaman Muka Hadapan Buku *Suhuf Abraham*



Secara struktur, buku ini mengandungi sepuluh bab utama dan satu penutup. Bab-bab tersebut meliputi pelbagai aspek ajaran Islam seperti akidah, ibadah dan akhlak serta pengembangan diri dan persediaan menghadapi akhirat. Setiap bahagian diolah dengan gaya

ringkas dan bersifat motivasi. Bab awal bermula dengan persoalan asas tentang ‘Tujuan Hidup’ dan ‘Mengenal Diri’ diikuti dengan perbincangan mengenai ‘Siapakah Tuhan Kita’, konsep makrifatullah dan seruan agar menghentikan kebencian antara agama. Kandungannya kemudian dikembangkan kepada perbincangan amalan ibadah seperti solat, puasa, zakat dan haji disusuli aspek pembangunan peribadi, ketenangan jiwa serta adab-adab dalam kehidupan harian.

Sebalik susun atur yang kelihatan selari dengan nilai-nilai Islam, *Suhuf Abraham* menampilkan elemen-elemen yang mencurigakan terutamanya dalam pendekatannya terhadap isu keagamaan yang melampaui batas-batas utama dalam Islam. Beberapa tajuk seperti ‘Imam Sekalian Umat Manusia’, ‘Hentikan Kebencian antara Agama’ dan ‘The Kingdom of God’ mengandungi petunjuk kepada fahaman pluralisme agama dan gagasan *Abrahamic Faith* yang tidak sejajar dengan ajaran Islam sebenar. Tambahan pula, ketiadaan maklumat penulis dan latar penerbit menimbulkan persoalan serius tentang asal-usul dan matlamat sebenar penerbitannya.

Gambar II & III: Isi Kandungan Buku *Suhuf Abraham*

| KANDUNGAN BUKU                                                                                                                                                                                                                            |     |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| TAJUK                                                                                                                                                                                                                                     | MS  |
| <b>1) MEMAHAMI MANUSIA</b>                                                                                                                                                                                                                | 7   |
| Tujuan Hidup<br>Mengenal diri sendiri<br>Sikap Terhadap Manusia                                                                                                                                                                           |     |
| <b>2) AKIDAH</b>                                                                                                                                                                                                                          | 18  |
| Siapakah Tuhan Kita<br>9 Ciri orang beriman<br>Syirik<br>Beriman kepada al quran<br>Beriman kepada para rasul dan para Nabi<br>Hentikan kebencian antara agama<br>Imam sekalian umat manusia<br>Makrifatullah                             |     |
| <b>3) IBADAH</b>                                                                                                                                                                                                                          | 73  |
| Dua Kalimah syahadah<br>Bahagian Ibadah<br>Rutin Ibadah Muslim<br>Muslim<br>Bersuci<br>Bagaimana mengerjakan solat<br>Rutin Zikir<br>Puasa<br>Zakat<br>Ibadah Haji<br>Korban                                                              |     |
| <b>Amal Kebajikan<br/>Amal Kebaikkan</b>                                                                                                                                                                                                  |     |
| <b>4) MEMBANGUN PERIBADI CEMERLANG</b>                                                                                                                                                                                                    | 127 |
| Komunikasi yang berwibawa<br>Sedih<br>Berjaya dalam hidup<br>Ujlah dewasa<br>Menuntut Ilmu<br>Setiap manusia adalah pemimpin<br>Bersemangat<br>Pilih perkara penting dan tidak penting<br>Teman yang membawa Rahmat<br>Cara atasi masalah |     |
| <b>5) MEMBANGUN HIDUP YANG BAIK</b>                                                                                                                                                                                                       | 162 |
| Musuh dan Sahabat<br>Tutuplah Pintu-pintu syaitan<br>Tidak semua orang dan perkara dilayan sama<br>Menghadapi hal kurang bijak<br>Bagaimana Move On<br>Ujian Hidup<br>Hal sulit menjadi mudah                                             |     |

| AGAMA ALLAH, FALSAFAH HIDUP, PENGUBAT JIWA                                                                                                                                                                                                              |     |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 6) MEMBINA HUBUNGAN BAIK SESAMA MANUSIA                                                                                                                                                                                                                 | 174 |
| Tolong menolong<br>Menolak menghulur pertolongan atas nama Allah?<br>Memberi pinjaman<br>Sikap menghakimi<br>Perbezaan pendapat<br>Bila perlu bercakap<br>Bersikap tegas atau mengalah                                                                  |     |
| 7) AKHLAK MULIA                                                                                                                                                                                                                                         | 182 |
| Ikhlās<br>Rasa Syukur<br>Takwa dan Martabatnya yang Tinggi<br>Tawakkal<br>Sabar<br>Merendah diri<br>Menahan Marah                                                                                                                                       |     |
| 8) MENGUBAT JIWA                                                                                                                                                                                                                                        | 198 |
| Jalan Damai, Ketenangan<br>Pertolongan Allah<br>Membersih Jiwa dan Bathin<br>Taubat, Setiap hari, Lembaran Baru                                                                                                                                         |     |
| 9) ADAB-ADAB                                                                                                                                                                                                                                            | 214 |
| Adab kepada Tuhan<br>Adab kepada Al-Quran                                                                                                                                                                                                               |     |
| AGAMA ALLAH, FALSAFAH HIDUP, PENGUBAT JIWA                                                                                                                                                                                                              |     |
| Adab kepada Rasul<br>Adab kepada Pemimpin<br>Adab kepada Negara<br>Adab Berpakaian<br>Adab Solat<br>Adab Berpuasa<br>Adab ke Tandas<br>Adab Makan<br>Adab Muzakarah<br>Adab Tidur<br>Adab Menuntut Ilmu<br>Adab Ibu Bapa<br>Adab Berbual<br>Adab Berdoa |     |
| 10) HARI AKHIRAT                                                                                                                                                                                                                                        | 227 |
| Hari Perhimpunan dan Kiamat                                                                                                                                                                                                                             |     |
| AMANAT                                                                                                                                                                                                                                                  | 238 |
| THE KINGDOM OF GOD                                                                                                                                                                                                                                      | 240 |
| PENUTUP                                                                                                                                                                                                                                                 | 247 |

## Tinjauan Literatur

Konsep *Millah Ibrahim* menjadi teras utama yang dipolemikkan dalam buku *Suhuf Abraham*. Konsep *Millah Ibrahim* merupakan istilah penting dalam wacana akidah Islam yang disebut berulang kali dalam al-Quran sebagai jalan yang lurus, bersih daripada syirik dan bersumberkan tauhid yang murni. Menurut kajian Khalid Muhammad al-Abdali dan Ismail Mamat (2019) bertajuk *Millah Ibrāhīm: ru'yah Qur'āniyyah* (Millah Ibrahim AS Menurut Perspektif al-Quran), istilah ini merujuk kepada pegangan Nabi Ibrahim AS yang berpaksikan tauhid sejati, penolakan total terhadap penyembahan berhala dan penyerahan diri secara mutlak kepada Allah SWT. Antara ayat penting yang membicarakan konsep ini ialah surah *al-Nahl* 16: 120–123, *al-Baqarah* 2: 130, 135, *Āli 'Imrān* 3: 95 dan *al-An'ām* 6: 161. Di dalamnya, *Millah Ibrahim* digambarkan sebagai jalan hidup yang lurus (*ḥanīf*), menolak segala bentuk syirik dan menekankan kepatuhan mutlak kepada perintah Allah SWT.

Kebelakangan ini muncul ajaran menyimpang yang menggunakan istilah *Millah Ibrahim* atau *Millah Abraham* untuk menyebarkan fahaman pluralisme agama. Ajaran ini didakwa cuba menyamaratakan semua agama samawi atas nama toleransi dan kedamaian serta mendakwa semua agama berasal daripada agama Nabi Ibrahim AS yang satu. Dalam konteks ini, beberapa fatwa rasmi di Malaysia (Selangor 2015, 2018; Melaka 2017; Sabah 2017; Negeri Sembilan 2021) telah dikeluarkan bagi menjelaskan penyelewengan yang terkandung dalam fahaman ini. Fatwa Negeri Selangor yang diwartakan pada 17 September 2015 dengan pindaan 4 April 2018 menjelaskan bahawa ajaran *Millah Abraham* adalah satu bentuk penyimpangan akidah yang serius kerana ia membawa fahaman 'penyatuan agama-agama' (*waḥdat al-adyān*), menafikan kekhususan agama Islam dan kedudukan Rasulullah SAW sebagai penutup para

nabi. Ajaran ini menyamakan semua agama (Islam, Kristian, Yahudi) sebagai satu sistem kepercayaan setara yang bertentangan dengan *Āli 'Imrān* 3: 85.

Jabatan Mufti Negeri Sembilan (2017) memutuskan penyelewengan yang dikenal pasti ialah dakwaan ajaran Islam baharu yang dikatakan wujud selepas kejatuhannya pada 1324H, mendakwa Ahmad Mushaddeq sebagai rasul selepas Nabi Muhammad SAW, mencampuradukkan ajaran al-Quran dengan Taurat dan Injil, menafsirkan maksud perkataan *ṣirāṭ al-mustaqīm*, *al-qiyaamah* dan *Dār al-Salām* sesuai kehendak ajaran *Millah Abraham* dan mengingkari kewajipan solat lima waktu serta solat Jumaat. Sementara itu, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2016) dalam Siri Bayan Linnas ke-50 menegaskan bahawa ajaran Ajaran *Millah Ibrahim@Abraham* boleh membawa kepada kekufuran jika diyakini secara mutlak kerana menolak keunikan dan kesempurnaan syariat Nabi Muhammad SAW.

Berdasarkan semua sumber-sumber di atas dapat dirumuskan bahawa istilah *Millah Ibrahim* dalam al-Quran merujuk kepada tauhid murni dan keikhlasan kepada Allah SWT dalam bentuk yang eksklusif bukan terbuka untuk disamakan dengan agama-agama lain. Maka, sebarang bentuk manipulasi istilah ini untuk menyebarkan fahaman pluralisme adalah bertentangan dengan maksud sebenar wahyu. Oleh itu, sebarang dokumen, buku atau bahan sebaran atas nama agama Islam yang membawa naratif *Millah Ibrahim* dalam bentuk yang mengelirukan wajar dibanteras kerana kesan yang besar terhadap akidah umat Islam.

## Metodologi

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian kepustakaan. Reka bentuk utama adalah analisis kandungan kerana fokus kajian tertumpu pada penilaian tema, mesej dan unsur ideologi yang terkandung dalam *Suhuf Abraham*. Data diperoleh sepenuhnya melalui metode dokumentasi iaitu pengumpulan dan analisis bahan berbentuk tekstual seperti buku kajian, fatwa dan pandangan ulama Ahli Sunah Waljamaah bagi tujuan penilaian kritikal. Bagi menganalisis data, kajian ini menggabungkan tiga metode:

### 1. Metode Induktif (*al-Manhāj al-Istiqrā'ī*)

Digunakan untuk meneliti fakta-fakta khusus daripada kandungan *Suhuf Abraham* seperti petikan ayat, pernyataan akidah dan seruan yang dibawa sebelum dirumuskan kepada kesimpulan umum berkaitan corak pemikiran dan ideologi yang terkandung di dalamnya.

### 2. Metode Deduktif (*al-Manhāj al-Istinbātī*)

Digunakan untuk menilai kandungan buku berdasarkan prinsip umum akidah Islam dan pegangan Ahli Sunah Waljamaah seterusnya diaplikasikan bagi membuat penilaian terhadap unsur yang bercanggah, menyeleweng atau membawa kepada fahaman pluralisme agama.

### 3. Metode Komparatif (*Manhāj al-Muqāranah*)

Digunakan untuk membandingkan konsep Millah Ibrahim yang dipaparkan dalam *Suhuf Abraham* dengan konsep sebenar seperti yang dijelaskan dalam al-Quran dan tafsiran ulama muktabar di samping merujuk fatwa-fatwa rasmi berkenaan ajaran *Millah Abraham*.

Penggabungan ketiga-tiga metode ini membolehkan kajian dilakukan secara menyeluruh, berasaskan bukti teks dan rujukan autoritatif, sekali gus memberi penilaian kritikal terhadap kandungan *Suhuf Abraham* dari perspektif akidah Islam yang sahih.

## Hasil Kajian dan Perbincangan

Analisis terhadap kandungan *Suhuf Abraham* mendapati bahawa walaupun buku ini kelihatan memaparkan mesej tauhid dan seruan kepada agama Islam, namun terdapat sejumlah idea yang secara halus membawa kepada fahaman yang bercanggah dengan prinsip akidah Ahli Sunah Waljamaah. Antara yang paling ketara ialah pengolahan konsep Millah Ibrahim yang dipolemikkan dengan tafsiran bercampur aduk antara ajaran Islam, Kristian dan Yahudi; pemahaman yang mengarah kepada kesamarataan agama-agama; dan pengaitan konsep kenabian serta al-Mahdi yang tidak bersandarkan nas al-Quran dan hadis sahih. Dalam kerangka ini, tiga isu utama yang dikenal pasti adalah: pluralisme agama; 'sinkretisme' agama; dan penyelewengan konsep al-Mahdi.

### Pluralisme Agama

Buku *Suhuf Abraham* mempromosikan konsep 'Agama Ibrahim' sebagai cara hidup bertauhid yang berpandukan al-Kitab iaitu Taurat, Injil, Zabur dan al-Quran yang kononnya masih asli dan tidak diubah. Petikan seperti:

...Keimanan yang benar adalah Iman Hanif Nabi Ibrahim as yang ikhlas mentauhidkan Allah tanpa menyekutukanNya... (Anon t.th.: 26)

...Jalan hidup bertauhidkan Allah, Tuhan yang Maha Esa tiada Tuhan lain selain Allah. Beribadah hanya kerana Allah tanpa mensyirikannya dan mengamalkan kandungan Al Kitab (Taurat, Injil, Al-Quran berdasarkan kitab-kitab asli yang tidak diubah-ubah), dipanggil cara Hidup seorang muslim atau Agama Islam. (Anon t.th.: 27)

...Dan kita mengamalkan ajaran-ajaran yang terdapat dalam al-kitab masing-masing (taurat, injil, zabur, al-quran). Namun ketahuilah agama yang diredhai disisi Allah adalah agama islam... (Anon t.th.: 27)

Walaupun terdapat penegasan lafaz syahadah (Anon t.th.: 76) dan rujukan kepada *Āli 'Imrān* 3: 85, pengiktirafan semua kitab sebagai rujukan amalan mencerminkan fahaman pluralisme agama yang sejalan dengan gagasan *Abrahamic Faith*. Konsep ini memberi



gambaran bahawa semua agama samawi masih sah sebagai jalan menuju Tuhan sedangkan menurut akidah Ahli Sunah Waljamaah, syariat Nabi Muhammad SAW telah menghapuskan syariat terdahulu dan hanya al-Quran kekal sebagai panduan mutlak. Firman Allah SWT dalam surah *al-Ma'idah* 5: 3:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتِمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا [المائدة : 3]

Bermaksud: Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu.

Firman Allah SWT dalam surah *Āli 'Imrān* 3: 85:

وَمَنْ يَتَّبِعْ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ [آل عمران : 85]

Bermaksud: Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam maka tidak akan diterima daripadanya dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi.

## ‘Sinkretisme’ Agama

Buku *Suhuf Abraham* dikesan cuba membina naratif bahawa kebenaran agama bersifat relatif dan terbuka sekaligus membuka ruang kepada fahaman *syncretism* atau ‘sinkretisme’ iaitu pencampuran unsur agama atau falsafah. Unsur ‘sinkretisme’ agama yang dimaksudkan apabila mencampurkan rujukan al-Quran dengan petikan Perjanjian Lama dan Baru seperti *Timothy* 2:5, *Deuteronomy* 4:35 dan *Mark* 12:29 (Anon t.th.: 19) sebagai bukti konsep ketuhanan. Selain itu, naratif ‘Imam Sekalian Manusia’ (Anon t.th.: 50–58) turut dibina dengan gabungan sumber Islam dan Bible tanpa membezakan disiplin wahyu terpelihara dan teks yang telah diselewengkan.

Pendekatan ini sejajar dengan asas ketiga ajaran sesat Millah Ibrahim@Abraham yang telah difatwakan menyeleweng di Malaysia, iaitu mencampuradukkan ajaran al-Quran, Taurat dan Injil serta menganggap kesemuanya sebagai panduan. Keadaan ini membolehkan pembaca awam terdedah kepada fahaman yang menggabungkan unsur akidah Islam, Kristian dan Yahudi tanpa sempadan syariat.

## Penyelewengan Konsep al-Mahdi

Buku *Suhuf Abraham* mengaitkan Nabi Ibrahim AS atau keturunannya secara langsung dengan peribadi al-Mahdi sebagaimana berikut:

...kita di era menunggu kedatangan seorang sosok terkemuka Imam Al Mahdi...  
iaitu Nabi Ibrahim as... (Anon t.th.: 50)



...Roh bumi diberi kepada Al-Mahdi dan kerajaannya (dari keluarga Nabi Ibrahim as...). (Anon t.th.: 231)

...THE PROPHET

*The medicine, in the name of ALLAH, bestowed upon Abraham:*

*Ishak and Yaakob*

*Daud and Sulaiman*

*Yusuf and Ayyub*

*Moses and Aaron*

*And Abraham, in the eye of God He stand. Allah will lead him and all creatures to the right path. Heal their pain... (Anon t.th.: 245)*

Pandangan ini bercanggah dengan hadis-hadis sahih yang menyatakan al-Mahdi adalah seorang lelaki daripada keturunan Nabi Muhammad SAW, namanya menyerupai nama Baginda dan kemunculannya berlaku hampir dengan turunnya Nabi Isa AS. Ibn Kathīr (2003, 1: 39) dalam *al-Nihāyah fī al-Fitan wal-Malāhim* ketika membicarakan al-Mahdi menempelak kelompok al-Rāfiḍah atau Syiah bahawa al-Mahdi yang ditunggu mereka hanya khayalan, kesesatan dan bisikan syaitan kerana kepercayaan tidak berdasarkan bukti atau hujah sama ada al-Quran, hadis, riwayat yang sahih dan pertimbangan akal yang baik.

Al-Tarmidhī (t.th.: 369, hadis 2230) meriwayatkan daripada Abdullah bin Mas'ud bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَا تَذْهَبُ الدُّنْيَا حَتَّى يَمْلِكَ الْعَرَبَ رَجُلٌ مِنْ أَهْلِ بَيْتِي يُوَاطِئُ اسْمُهُ اسْمِي

Bermaksud: Dunia ini tidak akan berakhir (kiamat) sehingga seorang lelaki dari keluargaku memerintah bangsa Arab; namanya sepadan dengan namaku.

Abū Dāud (t.th.: 467, hadis 4285) meriwayatkan daripada Abū Sa'īd al-Khudrī bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الْمُهْدِيُّ مِنِّي أَجَلِي الْجَبْهَةِ أَقْنَى الْأَنْفِ يَمْلَأُ الْأَرْضَ قِسْطًا وَعَدْلًا كَمَا مُلِئَتْ جَوْرًا وَظُلْمًا يَمْلِكُ سَعِ سِنِينَ

Bermaksud: Al-Mahdi adalah daripada keturunanku; dahinya luas dan hidungnya mancung. Dia akan memenuhi bumi dengan keadilan dan kesaksamaan sebagaimana bumi pernah dipenuhi dengan kezaliman dan penindasan. Dia akan memerintah selama tujuh tahun.

Tuntasnya, mengaitkan al-Mahdi dengan Nabi Ibrahim AS atau keturunannya tanpa sandaran al-Quran, Sunah dan penjelasan ulama Ahli Sunah Waljamaah adalah satu bentuk penyelewengan yang berbahaya malah memiliki persamaan dengan asas pertama ajaran sesat Millah Ibrahim@Abraham iaitu mendakwa wujud rasul atau pemimpin khusus selepas Nabi Muhammad SAW.

## Kesimpulan

Kajian ini secara tuntas membuktikan bahawa *Suhuf Abraham* mengandungi elemen-elemen yang menyeleweng daripada akidah Islam yang murni berteraskan Ahli Sunah Waljamaah. Walaupun pada zahirnya buku ini menampilkan lafaz syahadah yang tepat serta penegasan bahawa Islam adalah agama yang diredai Allah, namun gagasan yang dibawa sarat dengan fahaman pluralisme agama, sinkretisme teks wahyu dan penyelewengan konsep al-Mahdi. Penegasan bahawa semua kitab samawi terdahulu setara sebagai panduan hidup, pencampuran ajaran al-Quran, Taurat serta Injil tanpa penapisan dan pengaitan al-Mahdi dengan Nabi Ibrahim AS atau keturunannya jelas bercanggah dengan nas al-Quran, hadis sahih dan ijmak ulama. Hujah-hujah dalam buku ini memperlihatkan pola pemikiran yang seiring dengan asas-asas ajaran Millah Ibrahim@Abraham yang telah difatwakan sesat dan diharamkan di pelbagai negeri di Malaysia. Justeru, *Suhuf Abraham* wajar disekat penyebarannya, ditarik semula pengedarannya dan masyarakat perlu diberi pendedahan akan bahaya fahaman buku ini demi memelihara kesucian akidah umat Islam.

## Rujukan

- Abū Dāud, Sulaymān bin al-Ash'ath. t.th. *Sunan Abū Dāud*. Riyadh: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah.
- Anon. t.th. *Suhuf Abraham*. t.tp.: t.pt.
- Ibn Kathīr, Isma'īl bin Kathīr. 2003M/1423H. *Al-Nihāyah fī al-Fitan wal-Malāhim*. Jil. 1. Al-Qāhirah: Maktabah al-Ṣafā.
- Jabatan Mufti Negeri Sembilan. 2017M/1438H. *Ajaran Millah Abraham @ Ibrahim*. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Bil. 1/2017-1438H. Negeri Sembilan, 15 Februari / 18 Jamadiawwal.
- Khalid Muhammad al-'Abdali & Ismail Mamat. 2019. Millah Ibrahim Quranic perspective. *Al-Itqān: Journal of Islamic Sciences and Comparative Studies*, 3(1): 113–130.
- Melaka. 2017. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002. *Warta Kerajaan* 61(17): Nombor 324 (17 Ogos 2017).
- Negeri Sembilan. 2021. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003. *Warta Kerajaan* 74(4 Tambahan 1): N.S P.U. 5 (18 Februari 2021).
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. 2016. *Bayan Linnas Siri Ke-50: Ajaran Millah Ibrahim@Abraham*. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/1831-bayan-linnas-siri-ke-50-ajaran-millah-ibrahim-abraham> [22 Februari 2016]
- Sabah. 2017. Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah Mengenai "Ajaran Millah Abraham @ Ibrahim". *Warta Kerajaan* LXXII(35): Nombor 273 (17 September 2017).
- Selangor. 2015. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. *Warta Kerajaan* 68(19 Tambahan 22): Sel. P.U. 33 (17 September 2015).
- Selangor. 2018. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (Pindaan). *Warta Kerajaan* 71(9 Tambahan 6): Sel. P.U. 9 (26 April 2018).
- al-Tarmidhī, Muḥammad bin 'Īsā bin Sūrah. t.th. *Sunan Abū Dāud*. Riyadh: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah.

- Wan Haslan Khairuddin. 2021. Kerangka kajian ajaran sesat menurut Ahli Sunah Waljamaah. *Journal of Ifta and Islamic Heritage*, 1(1): 120-149.
- Wan Haslan Khairuddin. 2022. Ateisme dalam Wacana Ilmu Kalam. *International Journal of Islamic Thought*, 22(Dec.): 125-137.